

## RM10j bantu mangsa banjir Pahang

- Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
- 18 November 2024, 6:00 am



SABARIAH Saidan (tengah) pada misi penghantaran bekalan ke Pangkalan Hadapan bagi Monsun Timur Laut di Bera, semalam. – UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

**BERA:** Kerajaan Pahang memperuntukkan RM10 juta bantuan kepada mangsa banjir sebagai tanda empati dan kasih sayang pemimpin negeri terhadap rakyat yang terkesan dengan bencana alam itu.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang, Datuk Sabariah Saidan berkata, peruntukan disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang sebagai

penyelaras bantuan dan perbelanjaan pengurusan menghadapi bencana Monsun Timur Laut (MTL) tahun ini sehingga Mac 2025.

Peruntukan itu bagi menyediakan dan menyelenggara pusat pemindahan sementara (PPS) bagi memastikan keselesaan mangsa bencana sepanjang mereka berada di situ.

“Bantuan turut membabitkan penyediaan dan mengedar bantuan makanan, pakaian serta lain-lain keperluan asas kepada mangsa yang terpaksa berpindah selepas rumah mereka ditenggelami banjir.

“Sebanyak 858 PPS seluruh negeri ini, mampu menampung seramai 166,295 mangsa bencana dalam satu masa yang dilengkapi pelbagai kemudahan bagi keselesaan mereka,” katanya pada gimik pelancaran Misi Membekal dan Menghantar Bekalan ke 165 Pangkalan Hadapan di Bera, semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri Guai ini berkata JKM selesai menghantar barangan keperluan asas bencana ke semua stor bencana daerah pada Ogos lalu sebagai persiapan menghadapi bencana banjir.

Tambah beliau, pihaknya menyediakan 165 pangkalan hadapan bagi menempatkan barang-barang makanan kering seperti beras, minyak masak, gula dan sebagainya. Selain itu, dewan serbaguna dan sekolah turut dijadikan PPS ialah balai raya dan surau dengan setiap PPS mampu menempatkan antara 200 hingga 2,000 mangsa pada satu-satu masa.

“Kita selesai menghantar barangan keperluan asas seperti selimut, tikar, tuala dan sebagainya ke semua stor bencana daerah pada Ogos lalu,” katanya.

Kira-kira 224 tan metrik bekalan makanan melibatkan sembilan item dihantar ke semua 165 pangkalan hadapan di setiap daerah negeri ini.

Pengarah JKM Pahang, Khairul Amri Ahmad berkata, penugasan dalam menghadapi MTL dibuat melibatkan petugas JKM dan pelbagai agensi lain serta sukarelawan.

“Ia melibatkan 368 petugas JKM, 14 kaunselor JKM, 118 pasukan sokongan psikologi pelbagai agensi dan seramai 1,017 sukarelawan JKM,”ujarnya.